

Lelaki miliki 100 saman tertunggak ditahan

GEORGETOWN - Seorang jurujual lelaki yang didapati tidak menjelaskan 100 saman tertunggak sejak 10 tahun lepas ditahan dalam operasi khas trafik di Jalan Patani, Georgetown, semalam.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar berkata, lelaki berusia 30-an itu ditahan dalam operasi bermula jam 10 pagi hingga 1 tengah hari dan pemeriksaan mendapati dia tidak menjelaskan saman membabitkan kesalahan meletak kenderaan di kawasan tidak dibenarkan serta pelbagai kesalahan lain.

"Pemeriksaan juga dapati 97 saman tertunggak lelaki itu di daerah Timur Laut manakala baki di beberapa kawasan lain di negeri ini," katanya. - *Bernama*

# Jana pulangan **RM7.17b**

Pelaburan kerajaan RM5.58b sejak 2007 hingga 2015 dalam lima universiti penyelidikan

KUALA LUMPUR - Pelaburan kerajaan sebanyak RM5.58 bilion sejak 2007 hingga 2015 dalam lima universiti penyelidikan di negara ini telah menjana pulangan RM7.17 bilion.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, ia adalah pulangan pelaburan penyelidikan yang dihasilkan daripada pelbagai aspek dan bidang termasuk penerbitan buku, penyediaan latihan serta perkhidmatan pakar runding.

"Kejayaan ini sekali gus membuka mata universiti-universiti terkemuka dunia untuk bekerjasama dengan universiti tempatan dalam pelbagai bidang penyelidikan.

"Pencapaian ini juga membolehkan kajian dan penyelidikan universiti-universiti tempatan dijadikan sumber rujukan oleh universiti luar," katanya sebelum program Ruang



● Penerbitan buku

● Penyediaan latihan

● Perkhidmatan pakar runding

● UM, UKM, USM, UPM dan UTM

Bicara, semalam.

Lima universiti berstatus universiti penyelidikan di Malaysia ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Idris berkata, selain meningkatkan reputasi pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa, ia juga mampu menarik kemasukan pensyarah



IDRIS

dan pelajar asing untuk bekerja serta belajar di universiti tempatan.

Menurutnya, universiti penyelidikan tersebut mempunyai fokus penyelidikan translasional tersendiri yang mampu menjadi penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa.

"Sebagai contoh, UM melakukan penyelidikan prostetik bionik yang memberi sumbangan dalam bidang kesihatan, USM dalam bidang arkeologi dan UPM melalui penghasilan padi U-Putra yang berupaya meningkatkan hasil padi kepada 30 peratus dalam bidang pertanian," katanya.

Idris berkata, pihaknya berharap universiti penyelidikan Malaysia dapat meneruskan usaha pembudayaan penghasilan penyelidikan berimpak tinggi dan meningkatkan kerjasama bersama industri bagi mencapai sasaran dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

Menurutnya, kementerian mahu meningkatkan usaha-usaha dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, selain memastikan penyelidikan memberi sumbangan serta manfaat kepada masyarakat. - *Bernama*